

Oleh **MOHAMAD SHOFI MAT ISA**  
 pengarang@utusan.com.my

# UMP menang KLIBF 2018

**K**ECEMERLANGAN Universiti Malaysia Pahang (UMP) dalam bidang penerbitan terus menyinar apabila buku *Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj* terbitan Penerbit UMP memenangi

Anugerah Buku Negara 2018 sempena Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIBF) 2018 baru-baru ini.

Pengaruh Penerbit UMP, **Prof. Madya Dr. Abdul Ghani Awang** berkata, buku setebal 269 muka surat itu, yang mengisahkan riwayat hidup Pemangku Raja Pahang, Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah yang juga Canselor UMP, menang Buku Umum Terbaik bagi kategori Biografi Diraja.

Beliau berkata, UMP sentiasa memberi galakan berterusan kepada warga kerja universiti menghasilkan karya berkualiti yang layak dinilai untuk pengiktirafan pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

"Kejayaan mengungguli Kategori Biografi Diraja yang julung-julung kali diperkenal dalam edisi Anugerah Buku Negara kali ini membuktikan kemampuan UMP meneroka kajian tokoh secara biografikal

bagi merencanakan aktiviti penyelidikan dan penerbitan ilmiah di universiti ini.

*"Mutiara Mahkota: Tengku Abdullah al-Haj* yang dilancarkan sendiri oleh Tengku Abdullah pada Majlis Makan Malam sempena Konvokesyen ke-12 UMP pada 17 November tahun lalu memuatkan enam bab dan 158 foto bersejarah mengenai riwayat hidup baginda dan Kesultanan Pahang yang

diperolehi daripada pelbagai sumber autoritatif dari dalam dan luar negara," katanya dalam satu kenyataan.

Buku itu merupakan cetusan inspirasi Naib Canselor UMP, Prof. Datuk Seri Dr. Daing Nasir Ibrahim dan dihasilkan oleh Penserah Undang-Undang di Fakulti Pengurusan Industri, Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain dan Pereka Kanan di Pejabat Naib Canselor, Azman Md. Diah.



**AZMAN MD. DIAH** (dua dari kiri) bersama-sama **Abdul Ghani Awang** (kiri), **Wan Nazrul Helmy Wan Mohd. Zain** (dua dari kanan) menunjukkan buku dan piala Anugerah Buku Negara yang dimenangi di Kuala Lumpur baru-baru ini.